

DRIVER-GET-DRIVER CAMPAIGN

1. What is Driver-Get-Driver Campaign?

This Campaign is to reward driver who promotes the adoption of the Touch 'n Go eWallet as a way to accept payments to other taxi drivers and earn an incentive of RM20.00 for each successful registered new driver.

2. What is the duration of the Campaign?

The Campaign is from 16th May 2019 until 31st Dec 2019 unless extended by TNG Digital Sdn Bhd.

3. Who is eligible for this Campaign?

This Campaign is applicable for registered Touch 'n Go eWallet drivers who accept payment via the Static QR code which is physically displayed in the Taxi.

4. What type of new driver that can be referred?

Only licensed Taxi Driver with valid Driver Card issued by Land Public Transport Agency/Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) can be referred to this Campaign.

5. How do I register the new driver?

- a. Explain to the new driver on how to use Touch 'n Go Static QR code and assist the new driver to activate his/her Touch 'n Go eWallet;
- b. Provide the new driver a copy of Merchant Registration Form (Taxi Driver) and complete your detail in Section 2 that comprises of your Name, IC, contact number, Merchant ID and the New Driver name (~~referee~~);
- c. Inform the new driver on the required document and register with the authorized TNGD On-boarding partner;
- d. Obtain a copy of Section 2 of the Merchant Agreement Form (Taxi Driver), with the stamp and acknowledged by the On-Boarding Partner as a confirmation of your referral and/or acquisition for the new driver.

6. What are the required documents for the new driver to register?

- a. Complete the Merchant Registration Form (taxi);
- b. Copy of valid Driver Card issued by Land Public Transport Agency/Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD);
- c. Copy of Driver's NRIC (front and back);
- d. Photo of Taxi (front and back) which will be taken by the authorized TNGD On-boarding Partner after the Touch 'n Go eWallet sticker is posted on the Taxi windscreen.

7. Where does the new driver go for registration?

At the authorized TNGD On-boarding Partner.

8. How do I get my Merchant ID?

You may obtain your merchant ID as follows:

- a. At your TNG eWallet Merchant Daily Report which is sent to your email on daily basis or; and
- b. Contact your registered TNGD On-Boarding Partner to provide your Merchant ID.

9. How do I secure the new driver registration?

You may obtain a copy of Section 2 of the Merchant Agreement Form (Taxi driver) from the On-boarding Partner with stamped and acknowledged by the On-boarding Partner as confirmation submission for registration of the new driver.

10. When will I get my incentive payment?

At the end of the following calendar month upon receipt of the confirmation report from On-boarding partner on each successful registered driver by TNG Digital Sdn Bhd.

11. What is the condition of a successful registered driver?

The condition of a successful registered driver is when:

- a. TNG Digital Sdn Bhd has verified and approved the registration and
- b. the new driver has received a SMS notification that the QR code has been activated.

12. How do I participate if I am not a registered Touch 'n Go eWallet driver?

You must obtain a valid Driver Card issued by Land Public Transport Agency/Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) and you are required to register at our authorized On-boarding Partner. Please refer to <https://www.tngdigital.com.my/jom>

KEMPEN PEMANDU-DAPAT-PEMANDU

1. Apakah yang dimaksudkan dengan Kempen Pemandu-Dapat-Pemandu?

Kempen ini diadakan bagi memberi ganjaran kepada Pemandu Statik QR yang mempromosikan penggunaan Touch 'n Go eWallet kepada pemandu teksi sebagai cara untuk menerima bayaran dan mendapatkan insentif sebanyak RM20.00 bagi setiap pemandu baharu yang berjaya didaftarkan.

2. Berapa lamakah tempoh Kempen ini?

Kempen ini bermula pada 16hb Mei 2019 sehingga 31hb Disember 2019 kecuali sekiranya dilanjutkan oleh TNG Digital Sdn. Bhd.

3. Siapakah yang layak menyertai Kempen ini?

Kempen ini layak untuk pemandu yang berdaftar sebagai pemandu Touch 'n Go eWallet yang menerima bayaran menerusi Kod Statik QR yang dipaparkan secara fizikal di dalam teks

4. Apakah jenis pemandu yang boleh dirujuk?

Hanya Pemandu Teksi berlesen dengan Kad Pemandu yang sah yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) sahaja yang boleh dirujuk bagi Kempen ini.

5. Bagaimanakah cara saya mendaftarkan pemandu baharu?

- a. Menerangkan kepada pemandu baharu cara-cara untuk menggunakan kod QR Statik Touch 'n Go dan membantu mengaktifkan Touch 'n Go eWallet mereka;
- b. Menyediakan salinan Borang *Merchant Registration Form (Taxi Driver)* dan melengkapkan butiran maklumat anda di Bahagian 2 yang terdiri daripada nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor untuk dihubungi, ID Peniaga dan nama pemandu baharu;
- c. Memaklumkan pemandu baharu mengenai dokumen yang diperlukan dan berdaftar dengan Rakan Niaga *On-Boarding* yang dibenarkan;
- d. Mendapatkan salinan Bahagian 2 Borang *Merchant Registration Form (Taxi Driver)* berserta cop dan diakui oleh Rakan Niaga *On-Boarding* sebagai pengesahan rujukan dan/atau bukti mendapatkan pemandu baharu.

6. Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan oleh pemandu baharu untuk pendaftaran?

- a. Borang Pendaftaran Peniaga (Pemandu Teksi) yang lengkap;

- b. Salinan Kad Pemandu yang sah yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD);
- c. Salinan Kad Pengenalan Pemandu (hadapan dan belakang kad);
- d. Gambar teksi (hadapan dan belakang kenderaan) yang akan diambil oleh Rakan Niaga *On-Boarding* selepas pelekat *Touch 'n Go eWallet* dilekatkan pada cermin teksi.

7. Dimanakah pemandu baharu perlu pergi untuk pendaftaran?

Melalui Rakan Niaga *On-boarding* yang dibenarkan.

8. Bagaimanakah cara saya mendapatkan ID Peniaga?

Anda boleh mendapatkan ID Peniaga (*Merchant ID*) anda menerusi:

- a. Laporan Harian Peniaga TNG *eWallet* yang dihantar ke emel anda pada setiap hari atau; atau
- b. Hubungi Rakan Niaga *On-Boarding* anda untuk mendapatkan ID Peniaga anda.

9. Bagaimanakah saya mendapatkan pendaftaran pemandu baharu?

Anda boleh mendapatkan salinan Bahagian 2 Borang *Merchant Registration Form (Taxi Driver)* yang telah dicop dan diakui oleh Rakan Niaga *On-boarding* sebagai pengesahan penghantaran pendaftaran pemandu baharu.

10. Bilakah saya boleh mendapatkan bayaran insentif saya?

Pada akhir bulan berikutnya setelah menerima laporan pengesahan daripada Rakan Niaga *On-boarding* bagi setiap pemandu yang telah berjaya berdaftar dengan TNG Digital Sdn Bhd.

11. Apakah syarat bagi pemandu yang telah berjaya berdaftar?

Syarat bagi pemandu yang telah berjaya berdaftar ialah apabila:

- a. TNG Digital Sdn Bhd telah mengesahkan dan meluluskan pendaftaran dan;
- b. pemandu baharu menerima maklumat Kod Statik QR telah diaktifkan menerusi kiriman ringkas SMS.

12. Bagaimanakah saya boleh menyertai sekiranya saya bukan pemandu *Touch 'n Go eWallet* yang berdaftar?

Anda mestilah mempunyai Kad Pemandu yang sah yang dikeluarkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) dan anda perlu berdaftar dengan rakan niaga *On-*

boarding yang sah. Sila rujuk <https://www.tngdigital.com.my/jomteksi.html> bagi sebarang maklumat lanjut.